

TEKS UCAPAN

**YB MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**MAJLIS MENANDATANGANI NOTA KERJASAMA ANTARA**  
**KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**  
**DAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

1. Yang Berbahagia Tan Sri Dato' (Dr.) Ali bin Hamsa,  
Ketua Setiausaha Negara
2. Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Zulkifeli bin Mohd Zin (Bersara),  
Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara
3. Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Mohd Azhar Bin Hj. Yahaya  
Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI),
4. Yang Berbahagia Ir Md Shah Nuri bin Md Zain  
Ketua Eksekutif Agensi Keselamatan Siber Negara
5. Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Amiruddin Abdul Wahab  
Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia
6. Yang Berbahagia TKSU-TKSU, pegawai-pegawai kanan kementerian  
dan agensi, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Negaraku Sehati Sejiwa.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian di Majlis Menandatangani Nota Kerjasama antara Kementerian Sains Teknologi Dan Inovasi (MOSTI) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) berkenaan Pemindahan Fungsi Keselamatan Siber di bawah CyberSecurity Malaysia ke Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA).

**YBhg. Tan Sri, Dato', Tuan-tuan dan puan-puan sekalian**

2. Sebagai sebuah organisasi di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sejak diasaskan pada tahun 1997, CyberSecurity Malaysia telah berperanan sebagai pusat rujukan teknikal mengenai keselamatan siber. Selain itu, CyberSecurity Malaysia juga melaksanakan pelbagai program dan inisiatif dalam memberi pemahaman serta memupuk kesedaran mengenai kepentingan keselamatan siber kepada seluruh rakyat Malaysia.
3. Sesuai dengan peredaran pesat persekitaran siber negara, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju dengan pewujudan **Agensi Keselamatan Siber Negara** (NACSA) sebagai satu agensi pusat khusus yang bertanggungjawab ke atas semua aspek keselamatan siber. Penubuhan NACSA sebagai agensi di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri adalah

membuktikan komitmen serius Kerajaan dalam menangani ancaman siber.

4. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri ini, beberapa perbincangan di peringkat tertinggi telah diadakan dan telah memutuskan supaya CyberSecurity Malaysia kekal sebagai satu entiti di bawah MOSTI dan fungsi keselamatan sibernya dipindahkan ke bawah NACSA, manakala fungsi R&D, pembangunan industri serta latihan adalah di bawah MOSTI. Pelaksanaan pemindahan fungsi ini akan dilakukan melalui Nota Kerjasama di antara MOSTI dan MKN.
5. Dengan ini, sebagai langkah maju ke hadapan (*moving forward*), NACSA dan CyberSecurity Malaysia akan bekerjasama bagi memastikan persekitaran siber serantau yang selamat dan berdaya tahan bagi mengekalkan kemajuan dan kemakmuran negara.
6. CyberSecurity Malaysia sebagai agensi teknikal keselamatan siber akan melapor dan menyokong operasi NACSA untuk kepentingan keselamatan siber negara. Satu Jawatankuasa Pemandu akan ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan pemindahan fungsi keselamatan siber CyberSecurity Malaysia ke bawah NACSA.

**YBhg. Tan Sri, Dato', Tuan-tuan dan puan-puan sekalian**

7. Melalui MOSTI, CyberSecurity Malaysia berperanan menyediakan perkhidmatan dan program kepakaran keselamatan siber untuk

pembangunan industri, pembangunan dan penyelidikan (R&D) serta pembangunan keupayaan teknikal.

8. Peranan ini bersesuaian dengan misi MOSTI iaitu meneroka, membangun dan memanfaatkan STI untuk menjana ilmu pengetahuan, mencipta kekayaan dan menjamin kesejahteraan masyarakat ke arah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi yang kompetitif, mapan dan terangkum.
9. Melalui Nota Kerjasama ini, walaupun CyberSecurity Malaysia melapor dan menyokong operasi NACSA untuk kepentingan keselamatan siber negara, pelaporan pengoperasian fungsi keselamatan siber ini tidak melibatkan perubahan terhadap carta organisasi CyberSecurity Malaysia sedia ada. Tadbir urus CyberSecurity Malaysia serta prinsip-prinsip yang berkaitan dengannya adalah kekal terpakai seperti mana diperuntukkan dan dikuatkuasakan oleh Akta Syarikat 2016.
10. Kerjasama ini secara tidak langsung telah menginstitusikan (*institutionalise*) Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang menyaksikan gerak kerja secara gandingan antara agensi kerajaan. Sebagai pengakhir kata, saya berharap agar dengan pemeteraian Nota Kerjasama antara MOSTI dan MKN berkenaan Pemindahan Fungsi Keselamatan Siber di bawah CyberSecurity Malaysia Ke NACSA ini, ia akan memberi impak dan manfaat yang besar kepada persekitaran siber negara agar menjadi semakin selamat dan

terpelihara, dan terus menjadi rujukan sama ada di peringkat negara dan juga antarabangsa.

Sekian dan terima kasih.